

**Embargo sehingga jam 1500,  
Rabu, 8 Februari 2017**

## **PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA**

### **PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI TAHUN 2016 DAN BULAN DISEMBER 2016<sup>#</sup>**

#### ***Perdagangan Terus Meningkat dalam Keadaan Ekonomi Dunia yang Mencabar***

Perdagangan Malaysia pada 2016 kekal kukuh di sebalik keadaan persekitaran global yang tidak menentu. **Jumlah perdagangan meningkat 1.5% kepada RM1.485 trilion berbanding RM1.463 trilion berbanding tahun lalu.**

Peningkatan ini disumbang oleh perdagangan yang lebih tinggi dengan China, yang berkembang sebanyak RM10.09 bilion, Amerika Syarikat (AS) ( $\uparrow$ RM6.87 bilion), Republik Korea ( $\uparrow$ RM3.56 bilion), Taiwan ( $\uparrow$ RM3.29 bilion) dan Arab Saudi ( $\uparrow$ RM3.04 bilion). Peningkatan ketara turut dicatatkan dengan Turki ( $\uparrow$ RM2.81 bilion), Hong Kong SAR ( $\uparrow$ RM1.93 bilion), India ( $\uparrow$ RM1.85 bilion), Mexico ( $\uparrow$ RM1.64 bilion), Brazil ( $\uparrow$ RM1.52 bilion), Bangladesh ( $\uparrow$ RM1.48 bilion), ASEAN ( $\uparrow$ RM1.41 bilion) dan Kesatuan Eropah (EU) ( $\uparrow$ RM549.6 juta).

Eksport meningkat 1.1% kepada RM785.93 bilion dan import meningkat 1.9% kepada RM698.66 bilion, menghasilkan **lebihan dagangan sebanyak RM87.27 bilion dan merupakan lebihan dagangan yang ke-19 tahun dicatatkan sejak 1998.**

Penyumbang utama kepada pertumbuhan eksport pada 2016 adalah:

- Peningkatan eksport barangan perkilangan dan keluaran pertanian masing-masing sebanyak 3.2% dan 4.7%, mengimbangi penurunan eksport hasil galian;

- Pertumbuhan yang berterusan bagi eksport barang elektrik dan elektronik (E&E) didorong oleh permintaan global yang kukuh untuk barang elektronik;
- Peningkatan eksport ke ASEAN sebanyak 5.4% dengan pertumbuhan ketara ke Singapura, CLMV (Kemboja, Laos, Myanmar serta Viet Nam) dan Filipina;
- Eksport yang lebih tinggi ke negara rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) terutamanya ke Turki, India dan Pakistan;
- Pertumbuhan eksport yang kukuh ke negara-negara maju, terutamanya AS dan zon Eropah khususnya Jerman, Belgium, Itali serta Hungary; dan
- Permintaan yang lebih tinggi dari pasaran-pasaran berpotensi seperti Mexico dan negara-negara di Asia Selatan.

### **Prestasi Pasaran Utama**

#### ***ASEAN Menyumbang 29.4% daripada Eksport pada 2016***

ASEAN kekal sebagai rakan dagang yang penting dan strategik bagi Malaysia menyumbang RM230.93 bilion daripada eksport Malaysia pada 2016, meningkat 5.4%. **Syer ASEAN kepada jumlah eksport Malaysia berkembang daripada 28.2% pada tahun 2015 kepada 29.4%, syer tertinggi sejak 1993.** Dari segi perdagangan, ASEAN menyumbang 27.1% daripada jumlah perdagangan Malaysia pada 2016, dengan nilai sebanyak RM402.66 bilion, meningkat 0.4%.

Peningkatan eksport dipacu oleh barangan perkilangan yang mengembang sebanyak RM12.97 bilion atau 6.7%. Eksport barangan perkilangan menyumbang 89.1% pada 2016 berbanding 87.9% pada tahun 2015. Peningkatan sektor ini disumbangkan oleh kenaikan eksport barang E&E, keluaran petroleum, barangan perkilangan logam, barangan makanan diproses, kelengkapan pengangkutan, kimia dan bahan kimia, jentera, kelengkapan dan peralatan serta tekstil.

Singapura kekal sebagai pasaran eksport terbesar dengan syer sebanyak 49.6% daripada jumlah eksport ke ASEAN. **Eksport ke Singapura berkembang 5.6% kepada RM114.44 bilion hasil kenaikan eksport barang E&E, barangan optik dan**

saintifik, jentera, kelengkapan dan peralatan, kelengkapan pengangkutan serta keluaran petroleum.

Eksport ke Thailand menurun 0.6% kepada RM44.1 bilion disebabkan oleh penurunan eksport petroleum mentah, barang optik dan saintifik serta barang E&E. Walau bagaimanapun, pengurangan ini telah diimbangi oleh peningkatan eksport keluaran petroleum, kelengkapan pengangkutan, barang perkilangan logam, barang makanan diproses serta kimia dan bahan kimia.

Eksport ke Indonesia bernilai RM27.66 bilion, menurun 5% berikutan eksport yang lebih rendah bagi keluaran petroleum. Namun begitu, kenaikan eksport dicatatkan bagi barang makanan diproses, barang besi dan keluli serta barang perkilangan logam.

**Eksport ke negara-negara CLMV meningkat RM7.52 bilion atau 35.1% kepada RM28.96 bilion, menyumbang 12.5% kepada jumlah eksport Malaysia ke ASEAN.** Di antara negara-negara CLMV, **peningkatan eksport yang paling kukuh dicatatkan ke Viet Nam, melonjak 36.7% kepada RM23.78 bilion.** Eksport ke Viet Nam mencatatkan pertumbuhan dua digit bagi dua tahun berturut-turut sejak 2015, disumbangkan oleh eksport keluaran petroleum, barang perkilangan logam, barang E&E serta kimia dan bahan kimia. Pada 2016, Viet Nam merupakan pasaran eksport ke-10 terbesar Malaysia, naik empat kedudukan berbanding tempat ke-14 pada 2015.

**Eksport ke Filipina meningkat RM469.2 juta atau 3.6% kepada RM13.64 bilion,** disumbangkan oleh kenaikan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan sawit, barang makanan diproses serta kelengkapan pengangkutan.

Import dari ASEAN merosot 5.7% kepada RM171.73 bilion dan import utama adalah barang E&E, keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia serta jentera, kelengkapan dan peralatan.

### ***China – Rakan Dagang Terbesar Malaysia Bagi Iapan Tahun Berturut-Turut***

**China kekal sebagai rakan dagang terbesar Malaysia bagi Iapan tahun berturut-turut sejak 2009.** Pada 2016, perdagangan Malaysia dengan China meningkat 4.4% kepada RM240.91 bilion.

Eksport ke China bernilai RM98.56 bilion, menurun 2.9% manakala import meningkat 10.1% kepada RM142.35 bilion. Eksport yang lebih rendah dicatatkan bagi komoditi dan barangan perkilangan terutamanya, LNG, getah asli, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan sawit, keluaran petroleum, barangan perkilangan logam serta barang E&E. Walau bagaimanapun, eksport kimia dan bahan kimia, barang optik dan saintifik, barang makanan diproses, kelengkapan pengangkutan dan barang kayu mencatatkan peningkatan.

China kekal sebagai sumber import terbesar Malaysia dengan 20.4% syer daripada jumlah import pada 2016. Kenaikan import dicatatkan bagi keluaran petroleum, barang E&E, kimia dan bahan kimia serta jentera, kelengkapan dan peralatan.

### ***Eksport ke EU Terus Berkembang***

Perdagangan dengan EU meningkat 0.4% kepada RM149.05 bilion. **Eksport Malaysia ke EU naik 1.2% atau RM913 juta kepada RM79.84 bilion.** Jerman, Belanda, United Kingdom, Perancis dan Belgium kekal sebagai lima pasaran eksport utama di rantau ini dengan sumbangan sebanyak 78.8% kepada jumlah eksport Malaysia ke EU.

Di antara sepuluh pasaran utama EU, enam mencatatkan pertumbuhan positif dalam eksport iaitu Jerman meningkat 13.5%, Belgium ( $\uparrow$ 11.9%), Itali ( $\uparrow$ 10.1%), Republik Czech ( $\uparrow$ 9%), Sepanyol ( $\uparrow$ 0.4%) dan Perancis ( $\uparrow$ 0.1%).

Penyumbang utama kepada peningkatan eksport ke EU adalah jentera, kelengkapan dan peralatan, barang optik dan saintifik, kimia dan bahan kimia, kelengkapan pengangkutan serta pakaian.

Import dari EU menurun 0.5% kepada RM69.22 bilion dan barang import utama merupakan barang E&E, jentera, kelengkapan, dan peralatan serta kelengkapan pengangkutan.

### ***AS- Barang Perkilangan Memacu Eksport***

Perdagangan dengan AS **berkembang 5.3% kepada RM135.88 bilion pada 2016**. Malaysia mengekalkan prestasi eksport yang kukuh ke AS dengan peningkatan 8.9% kepada RM80.23 bilion.

Peningkatan eksport ke AS didorong terutamanya oleh barang perkilangan yang menyumbang 95.7% daripada jumlah eksport Malaysia ke negara tersebut. Eksport sektor ini meningkat 10% kepada RM76.75 bilion disebabkan terutamanya oleh barang E&E yang meningkat sebanyak 10.5% atau RM4.44 bilion. Eksport barang E&E bagi semikonduktor fotosensitif, alat ganti dan aksesori untuk mesin pejabat dan peralatan untuk pemancar atau penerima.

Barangan lain yang mencatatkan peningkatan ketara dalam eksport adalah barang optik dan saintifik ( $\uparrow 19.4\%$ ), kelengkapan pengangkutan ( $\uparrow 22\%$ ), kimia dan bahan kimia ( $\uparrow 11.4\%$ ), barang kayu ( $\uparrow 7.7\%$ ), keluaran petroleum ( $\uparrow 136.9\%$ ), jentera, kelengkapan dan peralatan ( $\uparrow 6.8\%$ ) serta barang perkilangan logam ( $\uparrow 14.1\%$ ).

Import dari AS meningkat 0.5% kepada RM55.65 bilion dan import utama adalah barang E&E, jentera, kelengkapan dan peralatan serta kimia dan bahan kimia.

### ***Jepun - Pasaran Eksport ke-4 Terbesar***

Jumlah perdagangan dengan Jepun merosot 4.8% kepada RM120.26 bilion dan eksport menurun 12.9% kepada RM63.28 billion. Eksport ke Jepun yang lebih rendah adalah disebabkan hasil galian yang menurun 31.6% terutamanya LNG. Eksport LNG menurun kesan penyusutan Nilai Unit Purata (AUV).

Walau bagaimanapun, **prestasi eksport yang lebih baik dapat dilihat dalam eksport barangan perkilangan ke Jepun dengan peningkatan sebanyak 1.1%, menyumbang 61.7% daripada jumlah eksport ke Jepun.** Peningkatan tersebut disumbangkan oleh eksport yang lebih tinggi bagi barangan perkilangan logam terutamanya aluminium bukan aloi, kimia dan bahan kimia, barang makan diproses, jentera, kelengkapan dan peralatan serta tekstil.

Import dari Jepun meningkat 6.3% kepada RM56.98 bilion pada 2016. Import utama adalah barangan E&E, jentera, kelengkapan dan peralatan serta kelengkapan pengangkutan.

### ***Asia Selatan- Eksport Kembali Positif pada 2016***

Pada 2016, eksport Malaysia ke Asia Selatan **meningkat 6.9% kepada RM45.39 bilion, selepas mencatatkan penurunan 0.9% pada 2015.** Perdagangan dengan Asia Selatan berkembang 7.4% kepada RM63.8 bilion pada 2016 dan import meningkat 8.6% kepada RM18.4 bilion.

Eksport ke India meningkat 1.1% kepada RM32 bilion dan menyumbang 70.5% syer kepada eksport Malaysia ke Asia Selatan. Barangan perkilangan yang merangkumi 54.4% daripada eksport Malaysia ke India meningkat 8% kepada RM17.43 bilion pada 2016. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh barangan E&E, barangan perkilangan logam dan kelengkapan pengangkutan.

Pada 2016, Bangladesh menggantikan Pakistan sebagai pasaran eksport kedua terbesar di Asia Selatan. Eksport ke Bangladesh melonjak 32.2% kepada RM5.15 bilion berbanding RM3.9 bilion pada 2015 disumbangkan terutamanya oleh eksport yang lebih tinggi bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan sawit, jentera, kelengkapan dan peralatan, keluaran petroleum serta barangan E&E.

Eksport ke Pakistan meningkat 17.8% kepada RM4.86 bilion disumbangkan oleh eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan sawit yang lebih tinggi.

Eksport ke Sri Lanka meningkat 28.6% kepada RM2.42 bilion disumbangkan oleh kenaikan eksport keluaran petroleum.

### ***Asia Barat- Pertumbuhan Dua Digit dalam Eksport***

Eksport Malaysia ke Asia Barat mencatatkan **pertumbuhan dua digit 15.7% kepada RM29.83 bilion pada 2016**. Import mencatatkan penurunan 5.8% kepada RM28.35 bilion manakala jumlah perdagangan meningkat 4.1% kepada RM58.18 bilion berbanding 2015.

Eksport ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) berkembang RM739.3 juta atau 6.2% kepada RM12.58 bilion, disumbangkan terutamanya oleh barang E&E khasnya barang semikonduktor fotosensitif. Eksport ke Iran meningkat RM211.2 juta atau 10.8% kepada RM2.16 bilion berikutan kenaikan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasakan sawit. Kedua-dua negara secara bersama menyumbang 49.5% daripada eksport Malaysia ke rantau ini.

### ***Pasaran FTA – Sokongan kepada Eksport***

Perdagangan dengan rakan dagang FTA bernilai RM935.33 bilion dengan eksport berjumlah RM490.05 bilion manakala import sebanyak RM445.28 bilion. **Negara-negara rakan dagang FTA menyumbang 62.4% kepada jumlah eksport Malaysia pada 2016**.

Barangan eksport utama bagi negara-negara rakan dagang FTA pada 2016 adalah barang E&E, keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia, LNG dan barang perkilangan logam. Rakan dagang FTA yang mencatatkan peningkatan dalam eksport adalah Viet Nam, Singapura, Turki, Myanmar, Pakistan, Filipina, India, Kemboja dan Laos.

**Turki merupakan pasaran eksport ke-19 terbesar Malaysia meningkat empat kedudukan berbanding ke-23 pada 2015.** Eksport ke Turki melonjak RM3.38 bilion atau 89% kepada RM7.17 bilion disumbangkan oleh barang perkilangan logam

khususnya aluminium bukan aloi serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan sawit.

### ***Pertumbuhan di Pasaran Baru***

Pada 2016, pasaran-pasaran lain yang mencatatkan peningkatan ketara dalam eksport adalah **Mexico**, meningkat sebanyak RM1.59 bilion, disumbangkan oleh barang E&E, **Tanzania** ( $\uparrow$ RM264.2 juta, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan sawit) dan **Nigeria** ( $\uparrow$ RM201.9 juta, keluaran petroleum).

### **Prestasi Sektor Utama**

#### ***Barangan Perkilangan Terus Mendominasi Eksport***

Eksport barang perkilangan meningkat 3.2% atau RM20.24 bilion kepada RM645.67 bilion. **Syer eksport barangan perkilangan mengembang kepada 82.2% daripada 80.5% pada tahun 2015.**

Eksport barang E&E meningkat 3.5% atau RM9.8 bilion kepada RM287.72 bilion, menyumbang 36.6% daripada jumlah eksport. **Peningkatan eksport barang E&E yang melebihi RM1 bilion** telah direkodkan bagi, antara lainnya:

- Litar bersepadu elektronik, meningkat RM3.67 bilion kepada RM100.05 bilion;
- Alat ganti dan aksesori bagi mesin pejabat,  $\uparrow$ RM3.36 bilion kepada RM7.79 bilion;
- Semikonduktor fotosensitif,  $\uparrow$ RM2.88 bilion kepada RM18.2 bilion; dan
- Peralatan transmisi dan penerima suara, imej dan data,  $\uparrow$ RM1.74 bilion kepada RM10.33 bilion.

Pasaran eksport barang E&E yang mencatatkan peningkatan ketara adalah Singapura, AS, Jerman, Mexico, India, UAE, Viet Nam dan Turki. Aktiviti perkilangan yang pesat di ASEAN mendorong peningkatan eksport barang E&E sebanyak 6.9% ke pasaran ini.

**Barangan perkilangan lain yang menyumbang kepada perkembangan eksport bagi 2016 adalah:**

- Kimia dan bahan kimia, ↑RM3.86 bilion kepada RM58.99 bilion;
- Barang optik dan saintifik, ↑RM2.66 bilion kepada RM28.75 bilion;
- Barang makanan diproses, ↑RM1.98 bilion kepada RM19.99 bilion;
- Jentera, kelengkapan dan peralatan, ↑RM1.53 bilion kepada RM37.69 bilion;
- Kelengkapan pengangkutan, ↑RM1.46 bilion kepada RM13.48 bilion; dan
- Tekstil, pakaian dan kasut, ↑RM671.4 juta kepada RM13.88 bilion.

### ***Keluaran Pertanian***

**Peningkatan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan sawit menyumbang utama kepada kenaikan eksport keluaran pertanian, naik 4.7% atau RM3.18 bilion kepada RM70.43 bilion.** Sektor ini menyumbang 9% syer daripada jumlah eksport pada 2016.

Eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan sawit meningkat 5.9% kepada RM48.27 bilion, disumbang oleh peningkatan eksport minyak sawit. Eksport minyak sawit meningkat 3.3% atau RM1.32 bilion disebabkan oleh AUV yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, eksport getah asli menurun 10.2% kepada RM3.61 bilion berikutan pengurangan kuantiti dan AUV.

### ***Hasil Galian***

Eksport LNG dan petroleum mentah masing-masing mengurang 28.2% dan 14.6%, disebabkan oleh penurunan AUV, seiring dengan harga global yang rendah meskipun kuantiti eksport meningkat. Eksport petroleum mentah berjumlah RM22.27 bilion manakala LNG, RM32.02 bilion. Pengurangan eksport komoditi memberi kesan kepada eksport hasil galian yang mengurang 19.8% atau RM15.87 bilion kepada RM64.32 bilion. Sektor ini menyumbang 8.2% syer daripada jumlah eksport pada tahun 2016.

### ***Import Dipacu oleh Barang Modal dan Penggunaan***

Pada 2016, jumlah import Malaysia meningkat 1.9% kepada RM698.66 bilion, **dipacu oleh peningkatan import barang modal dan barang penggunaan**. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir pada tahun 2016 adalah:

- Barang pengantara bernilai RM399.08 bilion atau 57.1% daripada jumlah import, mengurang RM441.8 juta atau 0.1% berbanding 2015;
- Barang modal (RM100.21 bilion atau 14.3% daripada jumlah import), ↑RM4.66 bilion atau 4.9%; dan
- Barang penggunaan (RM67.03 bilion atau 9.6% daripada jumlah import), ↑RM4.6 bilion atau 7.4%.

Import barangank perkilangan menyumbang 88.2% daripada jumlah import Malaysia. Import utama barangank perkilangan pada 2016 adalah:

- Barangan E&E bernilai RM209.94 bilion, menyumbang 30% syer kepada jumlah import Malaysia;
- Kimia dan bahan kimia, RM68.01 bilion, 9.7% syer; dan
- Jentera, kelengkapan dan peralatan, RM65.05 bilion, 9.3% syer.

China kekal sebagai sumber import terbesar sejak 2011, diikuti oleh, Singapura, Jepun, AS dan Thailand. Negara-negara ini secara kolektif menyumbang 53.1% daripada jumlah import. Pada 2016, ASEAN menyumbang RM171.73 bilion atau 24.6% syer kepada jumlah import Malaysia.

### ***Prestasi Perdagangan – Suku Keempat 2016***

Jumlah perdagangan bagi suku keempat (S4) 2016 **berkembang 3.9% kepada RM407.65 bilion** berbanding S4 2015. Eksport meningkat 2.8% kepada RM217.58 bilion dan import naik 5% kepada RM190.07 bilion. Ini menghasilkan lebihan dagangan sebanyak RM27.51 bilion.

Berbanding suku ketiga (S3) 2016, eksport, import dan jumlah perdagangan masing-masing meningkat 11.3%, 7.1% dan 9.3%.

### **Pertumbuhan Dua Digit Pada Disember 2016**

**Jumlah perdagangan Malaysia pada Disember 2016 mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 11.1% kepada RM142.39 bilion berbanding tahun lalu.** Peningkatan ketara dalam perdagangan dicatatkan dengan China meningkat sebanyak RM4.42 bilion, ASEAN ( $\uparrow$ RM2.08 bilion), Taiwan ( $\uparrow$ RM1.29 bilion), EU ( $\uparrow$ RM1.13 bilion), Australia ( $\uparrow$ RM886.6 juta), Republik Korea ( $\uparrow$ RM791.1 juta) dan Turki ( $\uparrow$ RM683.2 juta).

Lebihan dagangan yang lebih tinggi sebanyak RM8.72 billion telah direkodkan berbanding Disember 2015, merupakan **lebihan dagangan yang ke-230 bulan berturut-turut sejak November 1997.**

**Eksport pada Disember 2016 mengembang 10.7% tahun-ke-tahun kepada RM75.55 bilion, menjadikannya nilai tertinggi pada 2016.** Barangang perkilangan terus menyokong eksport Malaysia. Syer barangang perkilangan kepada jumlah eksport adalah 80.9%, manakala keluaran pertanian dan hasil galian masing-masing adalah 8.7% dan 9.6%. **Eksport kesemua sektor utama mencatatkan peningkatan pada Disember 2016.** Barangang eksport utama adalah:

- Barangang elektrik dan elektronik bernilai RM27.02 bilion, dengan syer 35.8% daripada jumlah eksport, meningkat 9% berbanding Disember 2015;
- Keluaran petroleum (RM5.71 bilion, 7.6%,  $\uparrow$ 58.6%);
- Kimia dan bahan kimia (RM5.62 bilion, 7.4%,  $\uparrow$ 19.7%);
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan sawit (RM4.42 billion, 5.8%,  $\uparrow$ 19.8%); dan
- LNG (RM3.76 bilion, 5%,  $\downarrow$ 0.5%).

Import pada Disember 2016 meningkat 11.5% kepada RM66.83 bilion berbanding Disember 2015, dipacu oleh peningkatan import barang pengantara dan barang modal. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir adalah:

- Barang pengantara bernilai RM38.51 bilion atau 57.6% daripada jumlah import, meningkat 9.8%;
- Barang modal (RM8.97 bilion atau 13.4% daripada jumlah import, ↑11.8%); dan
- Barang penggunaan (RM6.44 bilion atau 9.6% daripada jumlah import, ↑2.6%).

Barangan import utama adalah:

- Barangan elektrik dan elektronik, RM20.13 bilion atau 30.1% daripada jumlah import, meningkat 13.8%;
- Jentera, kelengkapan dan peralatan, (RM6.44 bilion atau 9.6% daripada jumlah import, ↑26.4%); dan
- Kimia dan bahan kimia (RM6.15 bilion atau 9.2% daripada jumlah import, ↑6.1%).

Nota:

Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barang untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barang fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barang didefinisikan sebagai “barang fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran”.

Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan “PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN” yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1500, Rabu, 8 Februari 2017 dan boleh dimuat turun melalui e-Statistics di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://estatistik.dosm.gov.my>).

- + Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.maperdagangan.gov.my>).
- # Data bulan Disember 2016 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.

Mulai bulan rujukan September 2015, terdapat perubahan kecil pada pemilihan kod bagi eksport dan import bagi barang/komoditi utama dan terpilih mengikut sektor.

**JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA**

Tahun / Tempoh	<u>Jumlah Eksport</u> (RM Juta)	<u>Jumlah Import</u> (RM Juta)	<u>Imbalan Perdagangan</u> (RM Juta)	<u>Jumlah Perdagangan</u> (RM Juta)
<b>2015<sup>f</sup></b>				
Januari	62,971.4	54,641.3	8,330.1	117,612.7
Februari	52,473.8	48,644.0	3,829.8	101,117.8
Mac	65,510.8	58,607.1	6,903.7	124,117.9
April	60,046.8	53,707.7	6,339.0	113,754.5
Mei	60,419.5	55,076.9	5,342.6	115,496.4
Jun	64,309.9	56,499.0	7,810.9	120,808.8
Julai	63,319.1	60,830.3	2,488.7	124,149.4
Ogos	66,572.6	56,332.7	10,239.9	122,905.3
September	70,152.3	60,503.4	9,648.9	130,655.7
Oktober	75,741.4	63,635.8	12,105.6	139,377.2
November	67,563.4	57,384.9	10,178.5	124,948.4
<b>Disember</b>	<b>68,274.1</b>	<b>59,915.4</b>	<b>8,358.7</b>	<b>128,189.5</b>
<b>2015 (Jan-Dis)<sup>f</sup></b>	<b>777,355.1</b>	<b>685,778.4</b>	<b>91,576.6</b>	<b>1,463,133.5</b>
<b>2016<sup>p</sup></b>				
Januari	61,851.8	56,460.1	5,391.7	118,311.9
Februari	56,719.7	49,368.1	7,351.6	106,087.9
Mac	66,586.2	55,393.6	11,192.6	121,979.7
April	61,346.9	52,291.9	9,054.9	113,638.8
Mei	59,943.4	56,660.1	3,283.3	116,603.5
Jun	66,449.6	60,932.0	5,517.6	127,381.5
Julai	59,850.1	57,942.8	1,907.4	117,792.9
Ogos	67,579.3	59,071.9	8,507.4	126,651.2
September	68,032.3	60,471.6	7,560.7	128,503.9
Oktober	69,195.3	59,439.0	9,756.3	128,634.3
November	72,827.9	63,797.6	9,030.3	136,625.6
<b>Disember</b>	<b>75,552.5</b>	<b>66,833.7</b>	<b>8,718.8</b>	<b>142,386.2</b>
<b>2016 (Jan-Dis)<sup>p</sup></b>	<b>785,934.9</b>	<b>698,662.3</b>	<b>87,272.5</b>	<b>1,484,597.2</b>
<b>2015<sup>f</sup></b>				
S1	180,956.0	161,892.3	19,063.7	342,848.4
S2	184,776.1	165,283.6	19,492.6	350,059.7
S3	200,044.0	177,666.4	22,377.6	377,710.4
<b>S4</b>	<b>211,579.0</b>	<b>180,936.1</b>	<b>30,642.8</b>	<b>392,515.1</b>
<b>2016<sup>p</sup></b>				
S1	185,157.7	161,221.8	23,935.9	346,379.4
S2	187,739.8	169,884.0	17,855.8	357,623.8
S3	195,461.7	177,486.3	17,975.4	372,948.0
<b>S4</b>	<b>217,575.7</b>	<b>190,070.3</b>	<b>27,505.4</b>	<b>407,646.0</b>

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

**JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT**

Barangan	Dis 2016 <sup>p</sup>	Nov 2016 <sup>p</sup>	Dis 2015 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>75,552.5</b>	<b>72,827.9</b>	<b>68,274.1</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	27,024.3	26,185.4	24,802.2
Keluaran Petroleum	5,714.5	5,184.0	3,603.9
Kimia & Bahan Kimia	5,615.7	5,210.1	4,690.5
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Sawit	4,415.8	4,905.3	3,685.7
LNG	3,762.2	3,135.0	3,781.6
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	3,041.4	3,115.8	3,413.9
Barangan Perkilangan Logam	2,927.5	3,034.4	3,275.9
Barangan Optik & Saintifik	2,687.7	2,499.4	2,608.8
Petroleum Mentah	2,493.1	2,511.1	2,151.1
Keluaran Getah	2,062.4	1,694.3	1,792.8

**JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT**

Negara	Dis 2016 <sup>p</sup>	Nov 2016 <sup>p</sup>	Dis 2015 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>75,552.5</b>	<b>72,827.9</b>	<b>68,274.1</b>
Singapura	10,941.8	10,460.6	9,640.9
China	10,225.3	10,930.9	8,366.5
AS	7,176.2	6,665.7	7,056.7
Jepun	5,984.0	6,051.6	6,471.1
Thailand	4,205.5	3,875.2	3,844.1
Hong Kong SAR	3,608.1	3,231.8	3,392.5
India	2,767.9	2,949.7	2,602.7
Australia	2,743.1	2,676.7	2,160.3
ROK	2,651.7	1,816.2	2,159.1
Indonesia	2,628.7	2,493.6	2,545.2

**JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (SUKU TAHUNAN)**

Barangan	S4 2016 <sup>p</sup>	S3 2016 <sup>p</sup>	S4 2015 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>217,575.7</b>	<b>195,461.7</b>	<b>211,579.0</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	79,825.5	73,818.1	74,156.8
Keluaran Petroleum	15,919.1	12,851.9	14,952.6
Kimia & Bahan Kimia	15,868.5	15,063.4	14,508.1
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Sawit	13,931.5	13,465.0	11,949.8
LNG	9,587.8	6,893.1	12,267.4
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	8,992.7	8,771.1	9,922.9
Barangan Perkilangan Logam	8,426.2	7,583.9	11,304.4
Barangan Optik & Saintifik	7,760.1	6,923.4	7,549.3
Petroleum Mentah	6,757.1	5,812.7	7,257.2
Barangan Makanan Diproses	5,623.2	4,741.5	5,048.0

**JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (SUKU TAHUNAN)**

Negara	S4 2016 <sup>p</sup>	S3 2016 <sup>p</sup>	S4 2015 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>217,575.7</b>	<b>195,461.7</b>	<b>211,579.0</b>
Singapura	31,109.4	29,575.1	29,239.9
China	30,661.1	25,566.9	27,314.4
AS	20,885.3	20,224.5	20,420.0
Jepun	16,928.2	15,490.0	19,510.3
Thailand	11,828.1	10,901.2	11,856.3
Hong Kong SAR	10,165.5	9,128.0	9,211.3
India	8,464.2	8,389.7	8,369.4
Indonesia	7,758.8	6,765.8	7,569.3
Australia	7,548.1	5,771.7	8,303.8
ROK	6,623.6	4,888.4	7,185.4

**JADUAL 6: BARANGAN UTAMA EKSPORT (2016)**

Products	2016 <sup>p</sup>	2015 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>785,934.9</b>	<b>777,355.1</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	287,718.5	277,922.1
Kimia & Bahan Kimia	58,993.4	55,133.2
Keluaran Petroleum	54,497.4	54,528.3
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Sawit	48,273.6	45,596.6
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	37,689.5	36,159.1
Barangan Perkilangan Logam	33,389.4	34,904.4
LNG	32,017.2	44,603.4
Barangan Optik & Saintifik	28,746.5	26,085.0
Petroleum Mentah	22,271.6	26,075.3
Keluaran Getah	20,252.6	20,183.9

**JADUAL 7: PASARAN UTAMA EKSPORT (2016)**

Negara	2016 <sup>p</sup>	2015 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>785,934.9</b>	<b>777,355.1</b>
Singapura	114,442.0	108,388.4
China	98,559.2	101,536.6
AS	80,233.1	73,669.0
Jepun	63,277.9	72,683.1
Thailand	44,099.6	44,387.2
Hong Kong SAR	37,641.5	36,851.9
India	32,005.8	31,660.5
Indonesia	27,658.6	29,104.2
Australia	26,743.5	28,081.6
Viet Nam	23,776.5	17,396.3

**JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT**

Barangan	Dis 2016 <sup>p</sup>	Nov 2016 <sup>p</sup>	Dis 2015 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>66,833.7</b>	<b>63,797.6</b>	<b>59,915.4</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	20,130.2	18,365.3	17,690.5
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	6,437.0	6,176.1	5,093.9
Kimia & Bahan Kimia	6,154.3	5,804.4	5,800.3
Keluaran Petroleum	5,477.4	5,138.7	4,998.2
Barangan Perkilangan Logam	3,852.1	3,494.0	3,499.3
Kelengkapan Pengangkutan	2,919.7	3,587.5	2,971.9
Barangan Besi & Keluli	2,462.7	2,107.2	1,511.1
Barangan Optik & Saintifik	2,035.1	1,970.5	2,145.5
Barangan Makanan Diproses	1,868.7	1,807.3	1,771.2
Tekstil, Pakaian & Kasut	1,655.9	1,670.2	1,770.4

**JADUAL 9: SUMBER UTAMA IMPORT**

Negara	Dis 2016 <sup>p</sup>	Nov 2016 <sup>p</sup>	Dis 2015 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>66,833.7</b>	<b>63,797.6</b>	<b>59,915.4</b>
China	14,408.9	13,690.4	11,851.9
Singapura	6,138.2	6,264.4	7,083.3
Jepun	5,221.2	5,166.2	4,559.8
AS	5,165.2	4,796.8	4,894.8
Taiwan	3,994.1	3,923.3	3,034.6
Thailand	3,978.3	3,855.7	3,894.7
Indonesia	3,019.3	2,691.6	3,006.1
ROK	2,930.4	2,999.7	2,631.9
Viet Nam	2,096.3	1,843.3	1,634.8
Jerman	2,012.1	2,089.0	1,984.0

**JADUAL 10: BARANGAN UTAMA IMPORT (SUKU TAHUNAN)**

Barangan	S4 2016 <sup>p</sup>	S3 2016 <sup>p</sup>	S4 2015 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>190,070.3</b>	<b>177,486.3</b>	<b>180,936.1</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	56,022.8	53,403.8	54,445.4
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	18,381.4	16,538.2	15,369.6
Kimia & Bahan Kimia	17,280.3	16,956.1	16,800.1
Keluaran Petroleum	15,247.8	12,968.1	16,533.1
Barangan Perkilangan Logam	10,546.4	10,124.7	10,953.6
Kelengkapan Pengangkutan	10,348.1	12,308.0	9,601.0
Barangan Besi & Keluli	6,613.4	6,105.1	4,730.2
Barangan Optik & Saintifik	5,922.0	5,301.4	6,122.4
Barangan Makanan Diproses	5,382.6	4,584.7	4,869.6
Tekstil, Pakaian & Kasut	4,675.7	4,174.9	4,850.6

**JADUAL 11: SUMBER UTAMA IMPORT (SUKU TAHUNAN)**

Negara	S4 2016 <sup>p</sup>	S3 2016 <sup>p</sup>	S4 2015 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>190,070.3</b>	<b>177,486.3</b>	<b>180,936.1</b>
China	39,642.1	36,187.2	35,158.6
Singapura	19,070.6	18,070.8	21,430.1
Jepun	15,236.6	14,306.7	13,499.3
AS	14,304.1	13,018.7	15,041.5
Taiwan	11,455.0	11,517.4	9,563.8
Thailand	11,319.6	10,253.0	11,760.3
ROK	9,438.1	11,727.1	8,475.9
Indonesia	8,515.6	6,737.7	8,543.2
Jerman	6,323.7	5,882.0	5,965.3
Viet Nam	5,521.1	4,818.9	5,344.7

**JADUAL 12: BARANGAN UTAMA IMPORT (2016)**

Barangan	2016 <sup>p</sup>	2015 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>698,662.3</b>	<b>685,778.4</b>
Barangan Elektrik & Elektronik	209,940.6	201,318.7
Kimia & Bahan Kimia	68,012.1	64,829.1
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	65,052.1	59,375.9
Keluaran Petroleum	52,402.4	63,876.2
Kelengkapan Pengangkutan	41,349.5	36,372.8
Barangan Perkilangan Logam	39,223.0	44,086.4
Barangan Besi & Keluli	22,999.9	21,757.5
Barangan Optik & Saintifik	21,927.3	21,629.2
Barangan Makanan Diproses	18,662.6	17,731.0
Tekstil, Pakaian & Kasut	18,127.7	15,978.7

**JADUAL 13: SUMBER UTAMA IMPORT (2016)**

Negara	2016 <sup>p</sup>	2015 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>698,662.3</b>	<b>685,778.4</b>
China	142,345.9	129,280.3
Singapura	72,419.1	82,195.4
Jepun	56,982.5	53,584.0
AS	55,646.6	55,343.7
Thailand	42,355.4	41,660.1
Taiwan	41,824.4	36,698.7
ROK	36,686.9	31,245.0
Indonesia	29,427.5	30,999.8
Jerman	23,784.0	23,374.7
Viet Nam	18,819.8	18,849.6

Sumber : Jabatan Perangkaan, Malaysia

Disediakan oleh: MATRADE

Nota :

f – data muktamad

p – data provisional

## CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2010-2016

